Ucapan: ADHO
533

172/80

Uchapan Y.B. Inche Hussein Onn, Menteri Pelajaran, di-Upachara Kejohanan Drama Sekolah2 Menengah di-Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, pada 10hb Ogos, 1972 Jam: 8.00 malam

---

Terlebeh dahulu saya ingin menguchapkan selamat datang kapada tetamu2 dan puan2 sekalian ka-Kejohanan Drama Sekolah2 Menengah ini. Kejohanan ini di-adakan bersempena dengan Expo Pendidekan '72. Tujuan2-nya ia-lah untok memberi galakan serta menimbulkan minat di-kalangan sekolah2 kita terhadap drama; mengasah bakat2 berlakun; memperkembangkan minat di-kalangan kanak2 kita terhadap seni; menggalakkan penulis2 kita supaya menerbitkan lebeh banyak lakunan yang baik dan mementaskan-nya serta menimbulkan minat di-kalangan kanak2 kita terhadap kesusasteraan.

...2/-

2. Sebanyak sebelas buah negeri di-Malaysia Barat mengambil bahagian dalam Kejohanan Kebangsaan ini di-mana tiap2 negeri menghantar pasokan johan sekolah-nya. Y.A.B. Perdana Menteri kita telah bermurah hati mendermakan sa-buah piala pusingan dan di-harap kejohanan ini akan di-adakan dari masa ka-semasa.

3. Para peserta boleh-lah memileh salah satu daripada empat lakunan, ia-itu, Serunai Malam (Night Flute) oleh Inche Usman Awang, Kereta Emas (Golden Car) oleh Inche Lee Joo For, Malam Perhitongan (Night of The Reckoning) oleh Inche Kemala dan Durian Runtoh menjelang Suboh (Durian Falls at Dawn) oleh Inche Alias Idris. Walau bagaimana pun, dua lakunan

...3/-

sahaja telah di-pileh, ia-itu Malam Perhitongan dan Serunai Malam. Saya di-fahamkan bahawa ini adalah di-sebabkan oleh daya penarek-nya dari segi drama dan memerlukan kebolehan lakunan yang sebaik2-nya, dan menggambarkan kehidupan serta chita2 kaum belia kita. Pada malam ini ada dua pasokan yang mengambil bahagian. Satu pasokan merupakan lakunan pasokan johan, iaitu Sekolah Menengah Zainab, Kota Bahru dan satu lagi dari pasokan terbaik dalam kejohanan lakunan yang tiada menjadi johan, iaitu Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Trengganu.

4. Kejohanan ini tidak akan dapat di-adakan tanpa kerja kuat dan kerjasama dari ramai orang2 persaorangan dan pertubohan2, baik di-peringkat negeri mahu pun kebangsaan. Saya menguchapkan terima kaseh

...4

kapada semua pehak yang berkenaan itu. Teristimewa sekali saya menguchapkan terima kaseh kapada Y.A.B. Perdana Menteri kita yang telah bermurah hati mendermakan piala pusingan; Majlis Drama Malaysia (Malaysian Drama Council) kerana membenarkan pentas-nya di-gunakan serta mengadakan berbagai kemudahan yang lain; Y.B. Dato Bandar kerana membenarkan kita menggunakan dewan ini; para Hakim yang telah bertugas bersunggoh2 selama dua hari pada 8hb dan 9hb dari pukul 6.00 petang hingga-lah 12.00 tengah malam untok meng-hakimkan pertandingan2 ini; pehak Polis, akhbar, radio dan televishen Malaysia atas bantuan serta kerjasama mereka yang tidak ternilai harga-nya dan semua pegawai dari Kementerian Pelajaran dan juga Jabatan2 yang lain atas segala kerja serta dedikasi mereka yang tidak

...5

mengenal penat lelah; tanpa ini semua, kejohanan

ini tidak akan dapat di-adakan.

Speech of Inche Hussein Onn, Minister of Education, at the Secondary Schools Drama Championships held at the City Hall, Kuala Lumpur, on 10th August, 1972, at          pm.

---

1. First of all, I wish to welcome our distinguished and other guests to our Secondary Schools Drama ~~Champi~~ Championships. The Championships is held in conjunction with the Education Expo. Its objects are to encourage and interest our schools in literary plays; to improve acting talents; to ~~develop~~ develop interests in our children towards fine arts; to encourage our writers to produce ~~and stg~~ more and better plays and to stage them, and to interest our children in literature.

2. Eleven States in West Malaysia take part in this national Championships, each State sending its champion school team. Our Prime Minister has very kindly donated a challenge cup and it is hoped that the Championships will be held from time to time.

3. The participants can choose one of four selected plays, that is, Serunai malam (Night Flute) by Inche ~~U~~ Usman Awang, Kereta Emas (Golden Car) by Inche Lee Joo ~~Fo~~ For, Malam Perhitongan (Night ~~of the~~ Of The Reckoning) by Inche ~~Kamala~~ Kemala and Durian Runtoh Menjelang Suboh (Durian Falls At Dawn) by Inche Alias Idris. Two, however, have been selected and they are Malam Perhitongan and Serunai Malam. ~~This is~~ This, I am told, is due to their dramatic appeal and requiring the best possible acting ability, and mirroring the life and aspirations of our youths. To-nights'

~~t~~ performances are from two ~~[illegible]~~ teams. One ~~fo~~ from the champion team and the other from the next best team.

4. The holding of this Championship will not have been possible without the hard work and cooperation of many individuals and bodies, both at state and national levels. To all of them, I wish to express my sincere appreciation and thanks. In particular, I wish to thank our Prime Minister for his generous donation of the Challenge Cup; Majlis Drama Malaysia (          ) for the use of its stage and providing various other facilities; Y.B. Dato Bandar for allowing us to use this hall; the judges, ~~[illegible]~~ who for two days on the 8th and 9th from ~~time~~

6.00 p.m. to 12.00 mid-night; had been working hard to judge this contest; to the Police, the press, the Radio and Television Malaysia for their very valuable assistance and cooperation; and all the officials both from the Ministry of Education and outside it for all their hard work and dedication without which the holding of this Championship will not have been possible.

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
AHO/U

No. Siri 128
No Penerimaan 128/80